

Pemuda curi tong gas dipenjara enam bulan

MIRI: Seorang pemuda dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan mencuri satu tong gas dari sebuah premis di Tudan.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas mengambil kira pengakuan bersalah tertuduh yang telah menjimatkan masa dan kos

mahkamah, rayuannya, keterangan fakta kes, keseriusan kesalahan dan kepentingan awam.

Tertuduh, Adrine Ong Kuan Wen, 21, dari Tudan Fasa 2 di sini, didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 10 tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh telah mencuri satu

tong gas jenama Petronas dari sebuah premis yang menyediakan perkhidmatan servis pendingin hawa.

Kesalahan dilakukan tertuduh pada jam 3.25 pagi, 8 April lalu di sebuah premis di Jalan Ah Hong, Tudan di sini.

Pendakwaan kes dikendalikan Inspektor Mudzilatwati Abdul Rahman manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.